

| | | |
|--|--|---------------------------|
|  UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERAKTI | KOLEJ-KOLEJ Kod Dokumen: OPR/KOLEJ /TAD/GP08 | Halaman: 1/1 |
| | | No. Isu: 01 |
| | | No. Semakan: 02 |
| | GARIS PANDUAN PENGIRAAN MERIT PERMOHONAN TINGGAL DI KOLEJ | Tarikh: 13/08/2021 |

TUJUAN

Garis panduan ini merangkumi semua proses pengiraan merit untuk permohonan tinggal di Kolej.

PANDUAN

1. Terima permohonan penginapan daripada pelajar secara dalam talian menggunakan dua (2) kaedah iaitu melalui Sistem e-Pengurusan Kolej (e-PK) dan *google form*.
2. Majlis Perwakilan Kolej (MPK) akan melaksanakan proses penjumlahan mata merit pelajar dengan menyemak senarai dari kedua-dua kaedah bagi mengelakkan dua permohonan pelajar yang sama.
3. Felo melaksanakan proses pengesahan penjumlahan mata merit pelajar menggunakan data yang telah disemak oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPK) dan menginput data tersebut menggunakan Format Mata Merit (*excel*) yang boleh dimuat turun di laman sesawang kolej masing-masing.
4. Felo melaksanakan proses pemilihan pelajar yang berjaya tinggal di kolej berdasarkan kriteria berikut (kecuali MPK/mantan MPK sesi lepas/MPP, PALAPES/SUKSIS dan SISPAS):
 - a) Saringan Pertama - memperolehi minimum mata merit dalam keempat-empat gabungan setiap peringkat aktiviti.
 - b) Saringan Kedua - pelajar yang memperolehi jumlah mata merit kolej yang tertinggi. Pemilihan bergantung kepada persetujuan pengurusan kolej (minit mesyuarat perlu disertakan) setelah mengambil kira kekosongan bilik pada sesi hadapan termasuk anggaran pelajar baharu yang akan mendaftar. Peringkat saringan ini juga akan memutuskan jumlah yang akan diterima untuk proses rayuan (jika ada).
5. Pelajar yang tidak memenuhi kriteria di atas perlu mengisi Borang Rayuan Tinggal Di Kolej (OPR/KOLEJ/BR03/PEN003) atau Borang Pengesahan Status Penginapan Pelajar (UPM/KK/TAD/BR10) untuk proses selanjutnya.